



PROJEK PELAJAR

K. B. R.

## KERTAS PROJEK PENYELIDIKAN

PAD 340

# PENGGUNAAN KAWASAN HUTAN SECARA RASIONAL MENERUSI PROGRAM PENANAMAN SEMULA HUTAN DAN PROGRAM HUTAN TANI DI SARAWAK : SATU TINJAUAN KE ATAS HUTAN SIMPAN SABAL.

HASILAN :

NORIZAN BIN JILI  
93152580  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM

KERTAS PROJEK PENYELIDIKAN INI ADALAH MERUPAKAN  
SUATU SYARAT BAGI MELENGKAPKAN KURSUS DI BAWAH  
KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG, INSTITUT  
TEKNOLOGI MARA.

## ISI KANDUNGAN

|                | Muka surat |
|----------------|------------|
| PENGHARGAAN    | i          |
| ISI KANDUNGAN  | ii         |
| SENARAI JADUAL | iv         |
| SENARAI RAJAH  | v          |

## SINOPSIS

|                                 |      |
|---------------------------------|------|
| Objektif Penyelidikan           | viii |
| Hipotesis                       | ix   |
| Skop Penyelidikan               | xi   |
| Metodologi                      | xii  |
| Perihal Menghadkan Penyelidikan | xiii |

## BAB

|  |    |
|--|----|
| I. PENGENALAN                            | 1  |
| I.I. Definisi Tajuk                      | 5  |
| 2. PENANAMAN PINDAH DI SARAWAK           | 7  |
| 3. STATUS PROGRAM PEMULIHAN SEMULA HUTAN | 10 |
| 3.1 Pengenalan                           | 10 |
| 3.2 Program Penanaman Semula             | 11 |
| a. Objektif Program                      | 11 |
| b. Status Program Penanaman Semula Hutan | 12 |
| i. Kawasan Terbabit                      | 12 |
| ii. Penubuhan Ladang Hutan               | 12 |
| iii. Kewangan                            | 15 |
| c. Faedah Sosio Ekonomi                  | 15 |

## OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Kesedaran mengenai isu kemasuhan hutan yang kian meruncing secara global telah lama mendapat perhatian masyarakat dunia. Dalam usaha menyelesaikan masalah mengekalkan khazanah hutan, sering timbul kontroversi apabila hak-hak asasi masyarakat orang asli menjadi pertaruhan. Dalam kerumitan situasi seperti ini, muncullah satu misi kerajaan yang dirangka dengan amat rapi dan bistari demi untuk mencari penyelesaian. Menerusi misi tersebut, lahirlah **Program Pemulihan Semula Hutan** yang merangkumi dua subprogram jangkamasa panjang iaitu **Program Penanaman Semula Hutan** dan **Program Hutan Tani**.

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengukur sejauh mana kejayaan kedua-dua buah program tersebut dalam menangani isu-isu yang menjadi perhatian mata dunia. Ukuran yang dimaksudkan merungkaikan status kedua-dua buah program kepada aspek-aspek kecil yang dapat dinilai secara berasingan. Ini jelas ditampilkan dalam cara penyusunan maklumat dan penyampaiannya.

**PENGGUNAAN KAWASAN HUTAN SECARA RASIONAL  
MENERUSI PROGRAM PENANAMAN SEMULA HUTAN DAN  
PROGRAM HUTAN TANI DI SARAWAK : SATU  
TINJAUAN KE ATAS HUTAN SIMPAN SABAL.**

## 1.0 PENGENALAN

Menurut statistik Jabatan Perhutanan (Anon., 1987), terdapat lebih kurang 37.3 peratus (46, 725 km persegi) kawasan Estet Hutan Kekal di negeri Sarawak. Namun begitu luas kawasan yang sebenarnya adalah amat kurang berikutan dengan aktiviti-aktiviti penanaman pindah yang berleluasa di negeri ini. Masalah ini kian meruncing (Lee, 1985) kerana pada tahun 1985 sahaja, kira-kira 116,000 hektar tanah atau 2.1 peratus dari kawasan Estet Hutan Kekal di Sarawak musnah akibat aktiviti penanaman pindah yang tidak dapat dibendung. Data numerikal ini diperolehi dari paparan imej satelit LANDSAT (Dimin, 1988) yang membayangkan pertambahan kemusnahan hutan pada kadar yang membimbangkan.

## 2.0 PENANAMAN PINDAH DI SARAWAK

Statistik Jabatan Pertanian (1981) menunjukkan bahawa 3,178,085 hektar kawasan hutan telah dimusnahkan oleh aktiviti-aktiviti pertanian/penanaman pindah di negeri ini. Dari bilangan ini, sejumlah 75,388 hektar kawasan hutan telah ditebang dalam musim penanaman tahun 1980/81 (Hatch, 1982). Menurut Hatch (1982) lagi, terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa tempoh kitaran bagi aktiviti pertanian pindah adalah selama 10-15 tahun sekali pada satu-satu tempat, dan bukannya selama 42 tahun seperti yang tercatat dalam data Jabatan Perhutanan Sarawak. Berlandaskan kenyataan tersebut, beliau mentaksirkan sejumlah 2.4 juta hektar kawasan hutan sebenarnya telah musnah, dan kira-kira 150,000 hektar darinya ditanam semula setiap tahun. Kedua-dua jumlah ini kian bertambah secara beransur-ansur akibat populasi masyarakat terbabit yang meningkat dan wujudnya cara-cara baru serta mudah untuk menerokai kawasan hutan yang lebih jauh di pedalaman. Sekiranya benar kiraan numerikal yang dibentangkan oleh Hatch, maka jumlah keseluruhan kawasan hutan yang musnah adalah 2.4 juta hektar dan bukannya 3.1 juta hektar seperti mana yang diperolehi oleh Bahagian Statistik Jabatan Pertanian, maka jumlah ini adalah 20 peratus dari luas negeri Sarawak, termasuk kawasan yang tidak diliputi oleh hutan. Oleh itu, nisbah untuk kawasan hutan sahaja sudah tentunya adalah lebih besar.

Aktiviti-aktiviti pertanian pindah di Estet Hutan Kekal turut meningkat dalam jangkaan 0-99 peratus di setiap lokasi. Keseluruhannya, sebagaimana yang dilaporkan oleh imej satelit LANDSAT pada tahun 1985, seluas 116,121 hektar atau 2.1 peratus kawasan